

Rujukan Kami : KP(PP) SULIT 0063/140 (3 )

Tarikh : 24 Mac 2014


Semua Ketua Jabatan / Bahagian,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Semua Ketua Jabatan Pegawai Kader



YBhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)  
GRED DG29, DG32, DG34 DAN DG38 YANG MEMPEROLEHI IJAZAH SEMASA DALAM  
PERKHIDMATAN KE GRED DG42 DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan mengenai perkara yang tersebut di atas dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 40 Tahun 2013 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat PPP Gred DG29, DG32, DG34 dan DG38 yang memperolehi ijazah semasa dalam perkhidmatan ke Gred DG42.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengenalpasti PPP Gred DG29, DG32, DG34 dan DG38 yang telah memperolehi ijazah semasa dalam perkhidmatan serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP). Seterusnya pegawai-pegawai tersebut hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap melalui Ketua Jabatan untuk pertimbangan LKPPP di KPM bagi tujuan kenaikan pangkat ke Gred DG42.

4. PPP yang diperakukan hendaklah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat ke Gred DG42 seperti berikut:

- 4.1 disahkan dalam perkhidmatan;
- 4.2 mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran LNPT tiga tahun terakhir hendaklah mencapai 80% dan ke atas dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun 2010, 35% bagi tahun 2011 dan 45% bagi tahun 2012;
- 4.3 memiliki:
  - (a) sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (b) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (c) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (d) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (e) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 4.4 bebas daripada tindakan tatatertib;
- 4.5 telah mengisytiharkan harta;
- 4.6 lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 4.7 bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- 4.8 diperakukan oleh Ketua Jabatan.

5. Pegawai-pegawai yang telah memenuhi syarat-syarat di perenggan 4 layak dipertimbangkan bagi urusan kenaikan pangkat tersebut termasuk pegawai-pegawai berikut:

- 5.1 pegawai dalam peminjaman atau pertukaran sementara;
- 5.2 pegawai sedang bercuti belajar bergaji penuh, separuh gaji atau tanpa gaji;
- 5.3 pegawai yang ditohmah tetapi tidak dapat dibuktikan;
- 5.4 pegawai yang sedang dalam prosiding tatatertib. Walau bagaimanapun, maklumat beserta kronologi tatatertib kes pegawai hendaklah dikemukakan bersama perakuan; dan

6. Kerjasama pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan selaku Ketua Jabatan adalah dipohon untuk memastikan perkara berikut iaitu :

- 6.1 memaklumkan kepada pegawai-pegawai di bawah seliaan YBhg Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan mengenai urusan berkenaan;
- 6.2 pemohon hendaklah mengisi borang permohonan seperti yang dilampirkan bersama surat ini dan menyimpan borang berkenaan bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun untuk tujuan rekod
- 6.3 **hanya memperakukan pegawai yang mengemukakan permohonan yang lengkap bagi urusan berkenaan;**
- 6.4 maklumat pegawai hendaklah **disemak dengan teliti** berdasarkan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan;
- 6.5 semua pegawai yang memenuhi syarat kenaikan pangkat ke Gred DG42 diperakukan mengikut format seperti di lampiran dalam bentuk **hardcopy** dan **softcopy** menggunakan program **Microsoft Access**;
- 6.6 pemohon hendaklah mengisi **borang butir-butir calon tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tahun 2014 (mandatori)** seperti di **Lampiran E**; dan
- 6.7 semua perakuan dihantar **melalui Ketua Jabatan** dan mana-mana perakuan / permohonan yang tidak melalui Ketua Jabatan tidak akan diproses.

7. Bagi melancarkan urusan kenaikan pangkat ini, kerjasama pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengemukakan senarai PPP yang telah memenuhi syarat **selewat-lewatnya sebelum atau pada 24 April 2014 (Khamis)**.

8. Perakuan yang lengkap dan telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Aras 4, Blok E12, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
**(u.p: Unit Naik Pangkat Bukan Siswazah)**

9. Sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengikut Negeri / Bahagian yang berkenaan seperti berikut:-


- |     |   |   |                |
|-----|---|---|----------------|
| 9.1 | Encik Norwin Shariman bin Mohd Nor<br>(Pahang, Kedah dan WP Labuan,<br>WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur<br>dan Melaka) | : | ☎ 03-8884 7969 |
| 9.2 | Cik Sharifah binti Hasain<br>(Johor, Kelantan dan Sabah)  | : | ☎ 03-8884 7883 |
| 9.3 | Cik Nora binti Mohd<br>(Bahagian-bahagian dan Negeri Sembilan)  | : | ☎ 03-8884 7908 |
| 9.4 | Puan Nordiyana Binti Shahir<br>(Perak dan Pulau Pinang)   | : | ☎ 03-8884 7905 |
| 9.5 | Puan Nik Adhhiati Binti Nik Ismail<br>(Sarawak dan Perlis)  | : | ☎ 03-8884 7905 |
| 9.6 | Cik Zairul Aini binti Zainal Abidin<br>(Selangor, dan Terengganu)   | : | ☎ 03-8884 7904 |

10. Segala kerjasama YBhg Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berikan dalam melaksanakan perkara ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(SHARIFAH RUHANI BINTI SYED ABU BAKAR)**  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. TKSU (P)

TKPPM (SOP)

SUB (SM)

TSUB K (SM)

TSUB (SM) K



2. MAKLUMAT PERKHIDMATAN

2.1 TARIKH LANTIKAN PERTAMA SECARA TETAP DALAM PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP) GRED C2/DG29 (sertakan salinan surat lantikan rasmi)

--	--	--	--	--	--

hari                  bulan                  tahun

2.2 TARIKH PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN GRED DG29 (sila sertakan salinan surat pengesahan jawatan)

--	--	--	--	--	--

hari                  bulan                  tahun

2.3 TARIKH KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG32 (sila sertakan salinan surat penyiaran kenaikan pangkat)

--	--	--	--	--	--

hari                  bulan                  tahun

2.4 TARIKH KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG34 (sila sertakan salinan surat penyiaran kenaikan pangkat)

--	--	--	--	--	--

hari                  bulan                  tahun

2.5 TARIKH KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG38 (sila sertakan salinan surat penyiaran kenaikan pangkat)

--	--	--	--	--	--

hari                  bulan                  tahun

2.6 TARAF JAWATAN

"TIME-BASED"

HAKIKI

2.7 TARIKH BERSARA WAJIB

--	--	--	--	--	--

hari                  bulan                  tahun

2.8 MAKLUMAT KELAYAKAN AKADEMIK YANG DIPEROLEHI DALAM PERKHIDMATAN :

BIL.	NAMA KELAYAKAN AKADEMIK / BIDANG	NAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	TARIKH IJAZAH DILULUSKAN OLEH SENAT

(\*sila sertakan salinan sijil akademik yang telah disahkan)

Untuk kegunaan JPN

2.9 NO. RUJUKAN SURAT TAWARAN PJJ OLEH BPG :

\_\_\_\_\_

2.10 NO. RUJUKAN SURAT KEBENARAN/ KELULUSAN CUTI BELAJAR :

\_\_\_\_\_

2.11 BUKTI PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN IJAZAH DARIPADA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) BAGI PPP YANG TIDAK DITAWARKAN PJJ OLEH BPG

ADA

TIADA

(sila rujuk dan cetak nilai taraf ijazah berkaitan melalui laman web JPA <http://www.interactive.jpa.gov.my/webinteraktif/frmMainIktiraf.asp>. Bagi nilai taraf ijazah yang tidak terdapat di laman web tersebut, sila rujuk Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA)

Untuk Kegunaan JPN





4.6

Saya adalah Peminjam Pendidikan Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan \_\_\_\_\_ (nyatakan Institusi Pinjaman Pendidikan).

4.7

Saya akui bahawa maklumat yang saya beri di dalam borang ini adalah benar. Saya memahami bahawa sekiranya maklumat yang diberikan didapati palsu, permohonan saya akan dibatalkan.

TARIKH : ..... TANDATANGAN .....

PEMOHON :

\* potong mana yang tidak berkenaan

### ULASAN KETUA JABATAN

(GB / PENGETUA / PPD / KPP mengikut tempat bertugas)

 S

SOKONG

 TS

TIDAK SOKONG

Ulasan :

---

---

---

TANDATANGAN :

NAMA :

JAWATAN :

---

---

---

TARIKH :

COP RASMI :

**LAPORAN PENGISYTIHARAN HARTA**

Adalah disahkan bahawa \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan \_\_\_\_\_ sudah/ belum mengisytiharkan Harta kepada Ketua Jabatan.

2. Kelulusan Pengisytiharan Harta bagi pegawai tersebut adalah melalui surat

Bil. \_\_\_\_\_ bertarikh \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_ Tandatangan  
Ketua Jabatan : \_\_\_\_\_

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Cop Jabatan : \_\_\_\_\_

**KENYATAAN OLEH KETUA JABATAN**

Nama Pemohon En/ Cik/ Pn : \_\_\_\_\_  
 No. Kad Pengenalan Pemohon : \_\_\_\_\_

1.	<u>Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)</u>	<u>Wajaran</u>
	(a) Tahun Pertama : _____	(20%) _____
	(b) Tahun Kedua : _____	(35%) _____
	(c) Tahun Ketiga : _____	(45%) _____
		<b>JUMLAH :</b> _____

2. Kenyataan Tatatertib

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas;

\* (a) **BEBAS** dari hukuman tatatertib/ SPRM/ Surcaj dan juga tidak dalam pertuduhan tindakan tatatertib

**ATAU**

\* (b) **DALAM PERTUDUHAN** atau **DALAM HUKUMAN** tatatertib/ SPRM/ Surcaj ketua jabatan hendaklah mengemukakan keterangan mengenai jenis hukuman dan tarikh / tempoh hukuman jika berkenaan) dengan mengisi lampiran TT secara berasingan.

TANDATANGAN :

\_\_\_\_\_  
 (Ketua Jabatan)

NAMA :

JAWATAN :

TARIKH :

COP RASMI :

(\* Potong yang mana tidak berkenaan)

**SURAT AKUAN  
PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI/ TABUNG PENDIDIKAN**

Saya ..... No. K.P : ..... mengesahkan bahawa :

Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi/ Tabung Pendidikan;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada .....  
mulai tarikh ..... hingga .....  
sebanyak RM ..... dan ..... mulai tarikh  
..... hingga ..... sebanyak RM .....  
Saya mengesahkan masih belum membuat bayaran;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada .....  
mulai tarikh ..... hingga .....  
sebanyak RM ..... dan pada masa ini sedang membuat  
pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai/ potongan gaji  
mulai tarikh ..... ;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada .....  
mulai tarikh ..... hingga .....  
sebanyak RM ..... dan saya telahpun menyelesaikan  
sepenuhnya pinjaman pada ..... ;

**PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4 (f) dan Peraturan 4 (g), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pegawai

Nama :  
Jawatan :  
Alamat Pejabat :  
Tarikh :

**PENGESAHAN**

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Ketua Jabatan

Nama :  
Jawatan :  
Alamat Pejabat :  
Tarikh :

## SENARAI KETUA JABATAN

Tempat Bertugas Calon	Ketua Jabatan
Sekolah Harian	Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri
Sekolah Agama	Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN)/ Pusat Kegiatan Guru (PKG)	Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan
Institut Pendidikan Guru (IPG)	Rektor IPGM
Jabatan-jabatan / Bahagian-bahagian di Kementerian	Setiausaha Bahagian/ Pengarah Bahagian/ Jabatan
Calon-calon yang dipinjamkan/ tukar sementara/ mengisi jawatan kader KPM	Ketua Jabatan/ Agensi yang menyimpan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) calon
Sekolah Menengah Teknik dan Kolej Vokasional	Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Sekolah Pendidikan Khas	Pengarah Bahagian Pendidikan Khas
Sekolah Berasrama Penuh	JPN/ Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan

SENARAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG29, DG32, DG34, DAN DG38  
YANG MEMPEROLEHI IJAZAH SEMASA DALAM PERKHIDMATAN DIPERAKUKAN UNTUK JAWATAN PPP GRED DG42

BIL.	NAMA NO.KP T/LAHIR UMUR JANTINA	TARIKH LANTIK GRED DG29 TARIKH SAH GRED DG29 TARIKH NAIK PANGKAT DG32 TARIKH NAIK PANGKAT DG34 TARIKH NAIK PANGKAT DG38	JAWATAN TEMPAT BERTUGAS KOD SEKOLAH	MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)				TARIKH IJAZAH DILULUSKAN OLEH SENAT	NAMA KELOMPOK MAGISTER	TARBIH/PERKHULUSAN PEMINJAM TEGAR/ BUKAN PEMINJAM TEGAR BTT/KTT	ULASAN KETUA JABATAN (SOKONG / TIDAK SOKONG)
				2010 (20%)	2011 (35%)	2012 (45%)	JUMLAH WAJARAN (100%)				
1.	ZUBAIDAH BINTI HARUN 680221-03-2222 21 FEB 1988 46 TAHUN PEREMPUAN	02 FEB 1992 02 FEB 1994 02 FEB 2002 01 JAN 2012	GURU AKADEMIK SK MERLI MAU MBA0012	91.48 18.30	92.36 32.33	93.33 42.00	92.63	01 JUN 2013	SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)	02 SEPT 2013 BTT BTT	SOKONG

Adalah disahkan semua maklumat adalah betul

Tandatangan : \_\_\_\_\_ t.t. \_\_\_\_\_  
(Pegawai Penyedia)

Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Cop Jabatan : \_\_\_\_\_

Adalah disahkan semua maklumat adalah betul

Tandatangan : \_\_\_\_\_ t.t. \_\_\_\_\_  
(Pegawai Penyemak)

Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Cop Jabatan : \_\_\_\_\_

Adalah disahkan semua maklumat adalah betul

Tandatangan : \_\_\_\_\_ t.t. \_\_\_\_\_  
(Pegawai Pengesah)

Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Cop Jabatan : \_\_\_\_\_